

28/08/2002

Memperbaiki pandangan Barat terhadap Islam

Abdullah Ahmad

KITA memasuki alaf baru ini dengan mengharapkan satu potensi keamanan dan kemakmuran sejagat tetapi baru dua tahun, jelas apa yang berlaku adalah sebaliknya, seolah-olah masa depan tidak ketentuan.

Kuasa besar dan terunggul, Amerika Syarikat, serta sekutunya terus rakus dengan kekuasaan ketenteraan dan ekonomi mereka manakala negara lemah terus dihimpit, dibuli dan diancam dengan 'regime change' - kerajaan atau pemerintah harus ditukar apa cara pun agar kerajaan atau pemerintah disukai mereka saja yang berkuasa.

Selepas berakhir Perang Dingin, wujud pola baru yang saling mengatasi serta mempunyai agenda dan kepentingan sendiri - pola Amerika Syarikat dan sekutunya, Kesatuan Eropah, Russia, China, hatta India dengan Hinduismenya melalui Bharatiya Janata Party (BJP), kapitalisme serta Islam sederhana dan Islam ekstrim.

Globalisasi membenar dan menggalakkan kehadiran pola-pola ini yang akan terus merebak dan membahayakan kestabilan politik dan keamanan.

Peristiwa 11 September sekadar memastikan ini berlaku yang semua golongan masyarakat akan terasa, terutama golongan lemah yang majoritinya orang Islam.

Atas nama memerangi keganasan, Afghanistan menjadi padang jarak padang tekukur sedangkan orang dicari tidak pun ditemui. Pada fikiran saya, Afghanistan keterlaluan menunjuk wajah yang tidak disenangi oleh musuh, bahkan kawan-kawannya.

Di Timur Tengah pula, Israel terus perkasa melakukan sebarang ia suka terhadap Palestin, Iraq menanti diserang pada bila-bila masa saja manakala Iran dilabel paksi kejahatan.

Di Amerika Latin, Cuba; di Afrika, Libya; dan dari beberapa segi, Zimbabwe. Hatta di wilayah Asean pun tidak terkecuali Myanmar adalah sasaran kuasa terunggul dan konco-konconya.

Jammu dan Kashmir terus meletakkan Pakistan dan India dalam keadaan konflik yang mungkin berlaku bila-bila masa juga.

Indonesia dilanda kegawatan demi kegawatan - kebakaran hutannya menyebabkan jerebu yang kesannya turut ditanggung orang lain, ekonominya tidak berkembang dan pengangguran meningkat. Tetapi Indonesia cuba menyalahkan orang lain.

Beberapa kerat mereka membakar bendera kita, mengembali era konfrontasi. Kita menyambut baik orang Indonesia yang benar-benar mahu mencari rezeki dan datang melalui izin.

Jelas sesetengah orang, kerana emosi, tidak belajar sejarah. Masa konfrontasi siapa yang terganyang?

Di dunia Arab, tiada kesatuan padu, hatta berkenaan dengan Palestin. Mereka berpuak-puak dua atau tiga monarki dan begitu juga bentuk republik. Walaupun bahasa dan agama serupa, oleh kerana kepentingan nasionalisme, peribadi dan kabilah, mereka terus bersengketa antara satu sama lain.

Kita sebagai sebuah negara Islam yang penduduk Islamnya tidak begitu besar majoritinya dari awal lagi telah menjadikan hubungan dengan negara Islam sebagai dasar utamanya walaupun mengikut Tunku Abdul Rahman Putra, dia tidak mendapat bantuan negara-negara Arab, sama ada moral apalagi kewangan, apabila kita menuntut kemerdekaan.

Hubungan baik kita dengan negara-negara Islam pada zaman Tunku, ditingkatkan lagi oleh Tun Razak dan diperhebat, diperluas dan ditekankan lagi oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Jalanan kita dengan negara-negara Islam satu hubungan sejarah yang lama. Hubungan itu jadi dominan dan terpenting apa kala Indonesia di bawah Sukarno mahu mengganyang Malaysia di antara 1963-66.

Saya telah mengiringi Tun Razak dalam usaha memenangi sokongan negara-negara Islam kepada Malaysia dan tidak kepada Indonesia - ke Mesir berjumpa dengan Jeneral Gamal Nasser, Tunisia (Bourgiba), Maghribi (King Mohamed V) dan Algeria (Ahmed Ben Bella).

Utusan lain juga telah dihantar ke seluruh negara Islam dan negara-negara Afro-Asia mencari sokongan menyaingi Indonesia di seluruh dunia. Keseluruhannya kecuali Pakistan yang waktu itu di bawah Zulfikar Ali Bhutto menyokong kita walaupun secara diam.

Sebab itu kita dapat mengatasi konfrontasi Indonesia kerana kita dapat sokongan moral negara-negara Afro-Asia dan Barat, sokongan ketenteraan dan material melalui Anglo-Malaysian Defence Treaty.

Indonesia pula mendapat sokongan negara-negara komunis - Soviet Union, China dan negara-negara sosialis lain - moral dan senjata.

Dr Mahathir terus memperhebatkan usaha mendekati negara-negara Islam dan usahanya sekarang ialah untuk memberi gambaran Islam yang sebenar dan terbaik kepada Barat, yang rata-rata persepsinya adalah Islam seolah-olah Taliban, penganas dan mereka yang tidak suka kemajuan dan anti-kemodenan.

Tetapi hakikatnya adalah sebaliknya: Islam menggalak kemajuan, tidak ekstrim, Islam agama toleran dengan nilai-nilai sejagat.

Tugas terpenting Malaysia kini ialah memberi wajah Islam yang sebenar seperti dalam al-Quran dan Hadis, membesarkan masalah pokok dan bukan ranting, yang wajib dan bukan makruh, semangat yang benar dalam mengamal 'rituals', isi bukan kulit yang terpenting, menterjemahkan yang terbaik dalam Islam, mencari ilmu pengetahuan, sifat sederhana, perpaduan dan sebagainya.

Pada fikiran saya, masa depan Islam ialah di Asia Tenggara dan mungkin di Asia Selatan. Dari segi sejarah, benar Islam bermula di Makkah, merebak ke Madinah dan selepas itu ke seluruh tanah Arab.

Jumlah bangsa Arab lebih kurang daripada jumlah orang Islam di Malaysia, Indonesia dan Pakistan dan bukan semua orang Arab beragama Islam.

Umpamanya, di Lubnan, daripada jumlah penduduknya seramai 3.6 juta itu, terdapat 60 peratus Islam, 40 peratus Kristian yang terbahagi kepada 17 mazhab (rujuk Almanac Time 2000).

Di Mesir pula - negara Arab tertua, paling bertamadun, paling intelektual, terbesar walaupun agak miskin dari segi ekonomi - enam peratus daripada jumlah penduduknya seramai 68 juta itu adalah Kristian.

Hanya Arab Saudi mendakwa ia 100 peratus Islam tetapi ratusan ribu orang bukan Islam termasuk tentera Amerika berada di negara itu.

Sebab saya kata masa depan tamadun Islam akan berpindah kepada sama ada Pakistan, Bangladesh, Indonesia atau Malaysia kerana dunia ini sudah jadi sebuah desa.

Hanya Pakistan negara Islam yang mempunyai senjata nuklear. Pakistan mempunyai jumlah penduduk 149 juta tetapi taraf ekonominya rendah. Bangladesh tanpa senjata nuklear, penduduknya seramai 130 juta dan ekonominya juga mundur.

Indonesia pula penduduk Islamnya terbesar di dunia; daripada 240 juta, 87 peratus Islam, sembilan peratus Kristian, dua peratus Hindu dan dua peratus lagi terdiri daripada pelbagai agama dan kepercayaan.

Iran juga sebuah negara Islam yang besar dengan 65 juta penduduk - 90 peratus Islam mazhab Syiah, empat peratus Islam Ahli Sunnah Wal Jamaah dan satu peratus Yahudi dan lain-lain.

Malaysia mempunyai 24 juta penduduk terdiri daripada 55 peratus Islam dan bakinya Buddha, Hindu, Kristian, Sikh dan kepercayaan lain. Ekonominya mendahului negara-negara Islam lain yang sesaiz dengannya, bahkan negara

yang saiznya berganda daripada Malaysia.

Dalam dunia kini, kualiti lebih penting daripada kuantiti, isi lebih penting daripada kulit, `substance' lebih penting daripada `form' dan kenyataan lebih penting daripada simbol. Perilaku yang baik dan kecemerlangan lebih penting daripada pakaian.

Bilangan tidak terpenting walaupun mustahak. Yang mustahak kita ada ialah kualiti, yakni ilmu pengetahuan yang canggih, ekonomi yang tinggi, tamadun yang dihormati dan kuasa ketenteraan.

Contoh Amerika Syarikat. Penduduknya hanya 272 juta berbanding dengan 1.3 bilion di China dan 1.1 bilion di India.

Sekutu akrabnya, Israel, sebuah `pulau' dalam lautan Arab tetapi mereka mengangas dan tiada satu kuasa dapat membendungnya. Penduduknya hanya 5.7 juta - 82 peratus Yahudi, kebanyakannya kelahiran dari luar Israel, Islam 14 peratus kebanyakannya Arab, Kristian dua peratus dan bakinya penganut agama lain.

Kuala Lumpur mula diminati sejak Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri. Dia, seperti Sukarno, terkenal di medan antarabangsa kerana personalitinya, politik yang terkecuali daripada kelaziman.

Perhatian dunia Islam mulai terpdang kepada kita. Selain itu, daripada 14 juta pelancong tahun lalu, hari demi hari pelancong dari negara Islam, terutama Arab, amat senang datang ke Malaysia. Lihat saja di Kuala Lumpur, Pulau Pinang terutamanya.

Sebaliknya, tanpa Kaabah di Makkah dan makam Rasulullah di Madinah, siapa dari negara Islam yang mahu ke Arab Saudi?

Orang Amerika ramai di sana, termasuk beberapa divisyen bala tenteranya dan juga orang asing terutama dari Bangladesh, India, Pakistan dan negara-negara lain kerana mencari rezeki.

Amerika pula kerana petroleum dan kerana Arab Saudi sebuah negara yang strategik bagi pertahanan mereka selain daripada Israel.

Orang Islam mesti terus berdialog dengan negara-negara Barat yang memusuhi Islam dulu, kini dan akan datang. Kerana pada persepsi mereka, Islam adalah agama yang berpotensi untuk mendominasi alam sejagat.

Mereka takut kepada Islam kerana kita sendiri menakutkan mereka, belum pun kita kuat sangat.

Mereka tidak akan membenarkan hukum hudud dan syariah menjadi hukum dan undang-undang dunia yang mereka mahu kuasai.

Dan mereka akan dapat menyekat kuasa-kuasa Islam dan akan berjaya membendung perkembangan Islam kerana Islam tiada kekuasaan tentera kecuali Pakistan, itupun pada tahap `primary' saja.

Kuasa nombor satu yang boleh menjadikan dunia padang jarak padang tekukur dalam beberapa saat saja ialah Amerika Syarikat, diikuti Israel, Russia, Britain, Perancis, China dan India.

Suka atau tidak, kita mesti terus berdialog dengan Barat. Mereka mahukan Islam sederhana seperti yang diamalkan kita, Indonesia, Lubnan, Mesir dan beberapa negara lagi.

Barangkali anda sudah pun boleh mengagak persepsi saya di mana dunia Islam harus berpusat pada masa akan datang.

Kalau Indonesia dan Pakistan mempunyai kekuatan ekonomi seperti kita, juga kestabilan politik dan sosial, kedua-dua negara ini mempunyai potensi besar untuk memimpin umat Islam.

Kita berpotensi tetapi kita mesti mempertingkatkan lagi ilmu pengetahuan, sains dan teknologi; dan ekonomi kita mesti kuat dan gagah dan dipunyai oleh orang Melayu.

Saya tidak mahu negara tercinta ini menjadi sebuah negara seperti Turki, apatah lagi seperti Arab Saudi.

Saya mahu negara ini seperti keadaan ini tetapi meningkat pencapaian dan kecemerlangannya dalam segala aspek dan mempertingkatkan penghayatan Islam

seperti terkandung dalam al-Quran dan Hadis berdasarkan keadaan sekarang, iaitu selepas 1,423 tahun al-Quran diturunkan dan kenyataan politik dalam negara di mana kita sedikit saja jumlah lebih besar daripada orang lain.

Ini satu keajaiban dunia yang kelapan - orang Melayu bilangannya kecil, mundur dalam ekonomi dan segala bidang, dapat memerintah dan menguasai negara ini dan dapat pula menjadi sebuah negara Islam contoh.

Inilah yang kita mesti pertahankan. Apa jadi dan berapa tinggi harga pun, kita patut mengepalai atau bersama dengan negara-negara Islam lain yang progresif memula dialog ini dengan Barat dan mengguna penduduk Islam, iaitu Islam `diaspora' yang kini berjuta menetap di Amerika dan di negara Kesatuan Eropah sebagai jambatan perhubungan baik Barat dengan kita.

Belajarlah kita daripada Yahudi apa yang baik. Yang terbaik dan teruntung bagi Israel ialah mereka disokong dan dibiayai oleh `the Jewish diaspora' di Amerika dan di Eropah yang telah menguasai politik, ekonomi, akademia, media dan hiburan yang telah sampai ke setiap rumah di dunia ini.

Tanpa ini berlaku, yakni kita menghayati apa yang saya tegaskan ini dengan jujur, tanpa pula berbalah antara satu sama lain, sesama agama, kuasa dan pengaruh Judeo-Christian akan terus menguasai minda dunia, ekonomi dan alam ini seperti mereka telah berjaya melakukannya berkurun lamanya dan nampaknya akan terus demikian.

* Sedutan syarahan umum Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (M) Berhad, Tan Sri Abdullah Ahmad, bertajuk `Malaysia: Hubungan dengan negara-negara Islam dan dialog dengan Barat' di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, malam tadi.